

25/07/1997

Ekran, ABB masih gagal selesai pertikaian

KUALA LUMPUR, Khamis - Ekran Berhad dan kontraktornya Asea Brown Boveri Holdings (ABB) gagal menyelesaikan pertikaian berhubung pembinaan empangan hidroelektrik Bakun berharga RM15 bilion selepas perbincangan enam jam di sini hari ini.

Pengerusi Ekran Tan Sri Ting Pek Khiing memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa kedua-dua pihak akan bertemu sekali lagi dalam masa dua minggu akan datang untuk cuba menyelesaikan pertikaian yang menjadi punca kelewatan projek.

"Ia satu pertemuan yang baik... isunya masih belum selesai dan kami perlu berbincang lagi dalam tempoh dua minggu akan datang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata minggu lalu pembinaan empangan itu terlewat kerana berlaku pertikaian besar antara Ekran dan ABB.

Anwar berkata kelewatan itu disebabkan tidak ada persetujuan antara Ekran dan ABB berhubung kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yakin pertikaian mengenai projek itu akan dapat diselesaikan.

" Semua kontrak boleh menimbulkan pertikaian dan pertikaian-pertikaian itu boleh diselesaikan.

"Kita telah berjaya menyelesaikan beribu-ribu masalah lain sebelum ini," katanya sekembali daripada cuti dua bulan ke luar negara.

Empangan itu, antara projek prasarana terbesar di Asia Tenggara, mampu menjana 2,400 megawat elektrik apabila ia siap pada 2003.

Ekran memiliki 32 peratus ekuiti dalam projek itu, kerajaan negeri Sarawak 19 peratus dan Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak, sembilan peratus.

Tenaga Nasional Berhad, Kerajaan Malaysia menerusi Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, masing-masing lima peratus, manakala baki 15 peratus diperuntukkan kepada orang awam Malaysia dan institusi tempatan dan luar negara. - Bernama

(END)